

*Jawab semua soalan.*

- (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَّ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ  
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهْنُوا  
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran: 137 - 139)

Ayat di atas menerangkan tentang kepentingan memahami sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** faktor kemasuhan umat terdahulu. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan memahami sunnatullah. [2 markah]



- (iv) Berikan hujah anda untuk mengelak situasi seperti gambar di atas dengan mengaitkannya dengan sunnatullah. [4 markah]

- (b) Sabda Rasullullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ التَّبَّيْنِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
 سَبَعَةٌ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلٌّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ ، وَشَابٌ نَشَأَ  
 فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ ، وَرَجُلٌ تَحَابَّا فِي اللَّهِ  
 اجْتَمَعُوا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقُوا عَلَيْهِ ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٌ فَقَالَ :  
 إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ ،  
 وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًّا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris di bawahnya. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT. [2 markah]
  - (iii) Terangkan **dua** pengajaran hadis di atas. [4 markah]
- (c) Terangkan mana-mana hukum tajwid berkaitan Qalqalah dan cara bacaannya. [2 markah]

- 2 (a) Al-Raqib merupakan satu daripada nama-nama Allah SWT yang wajib diimani oleh setiap muslim yang mukalaf.

(i) Apakah maksud al-Raqib?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti nama Allah SWT al-Raqib.

[4 markah]



Kejadian rompakan

- (iii) Berdasarkan gambar,uraikan cara mengatasi situasi di atas dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib.

[4 markah]

- (b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal.

(i) Bagaimanakah iman seseorang itu boleh terbatal selain melalui iktikad? [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 markah]


- (c) (i) Apakah maksud Syiah?

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

[2 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud solat sunat gerhana. [2 markah]



- (ii) Huraikan tindakan anda apabila melihat situasi seperti gambar di atas. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah solat sunat gerhana. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud perkahwinan? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** wanita yang haram dikahwini selama-lamanya disebabkan keturunan. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah perkahwinan dalam Islam. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin bermula selepas kewafatan Rasulullah SAW dengan pemerintahannya bermula 11H hingga 40H.
- Senaraikan **dua** orang khalifah Khulafa al-Rasyidin selain Saidina Umar al-Khattab. [2 markah]
  - Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan Saidina Umar al-Khattab daripada aspek sosial. [4 markah]
  - Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Profesor Ahmad bin Ibrahim merupakan anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Antarabangsa Malaysia (UIA).
- Nyatakan secara ringkas riwayat hidup beliau. [2 markah]
  - Jelaskan **dua** contoh ketinggian akhlak tokoh tersebut. [4 markah]
  - Jelaskan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada ketokohan peribadinya. [4 markah]

5 (a) Umat Islam dikehendaki beradab terhadap orang sakit.

- (i) Nyatakan **dua** adab yang boleh diamalkan oleh masyarakat terhadap golongan orang yang sakit daripada aspek emosi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]



(iii) Sebagai murid,uraikan tindakan anda apabila melihat situasi gambar di atas. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah menjaga alam sekitar. [4 markah]